

Dua warga Nigeria direman seludup 7.1kg syabu RM1.8j

Oleh MEGAT RAMLI MEGAT RAOF
megat@kosmo.com.my

SHAH ALAM - Kepantasan polis berjaya menghalang cubaan dua lelaki warga Nigeria menyeludup 7.1 kilogram dadah syabu untuk bekalan 24,000 penagih apabila mereka ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang secara berasingan baru-baru ini.

Kedua-dua suspek berumur 34 dan 24 tahun itu didapati menyembunyikan dadah

bernilai RM1.8 juta di ruang khas beg pakaian masing-masing bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

Ketua Polis Selangor, Datuk Tun Hisan Tun Hamzah berkata, siasatan awal mendapati kedua-dua suspek yang ditahan pada Jumaat dan Ahad lalu bukan daripada sindiket pengedaran dadah antarabangsa yang sama dan menaiki penerbangan berasingan.

Menurutnya, berdasarkan pemeriksaan passport, kedua-dua suspek yang bekerja se-

bagai penjual pakaian di negara asal didapati baru pertama kali datang ke Malaysia.

"Suspek pertama datang dengan penerbangan dari Afrika menuju ke Doha dan tiba di KLIA pada pukul 4.30 petang Jumaat lalu manakala suspek kedua menaiki penerbangan dari Ethiopia ke Addis Ababa sebelum ke Bangkok dan tiba di KLIA pada pukul 9.35 pagi Ahad lalu.

"Sekiranya kedua-dua mereka terlepas daripada pemeriksaan polis, bekalan syabu yang dibawa cukup untuk digunakan oleh

24,000 penagih," kata beliau pada sidang akhbar di sini semalam.

Tun Hisan memberitahu, dengan tertangkapnya kedua-dua suspek, pihaknya membongkar taktik baharu sindiket pengedaran dadah antarabangsa yang menggunakan warga Nigeria sebagai keldai dadah. Sebelum ini sindiket itu menggunakan rakyat Iran.

Kedua-dua suspek kini ditahan reman bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.